

Gelombang kedua mangsa kena pindah

Pusat pemindahan dibuka di Jerantut

ZAIRUL AFIZA HAMZAH

JERANTUT - Seorang bayi lelaki, Muhammad Nur Syaquil Amzar Mohd Salleh, enam bulan antara mangsa pertama yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Dewan Datuk Rahimah Kawi, Kampung Paya Teh, di sini.

Ibunya, Nur Baiyah Mohd Rosli, 23, berkata, dia yang tinggal bersama ibu mertuanya terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir itu setelah rumah mereka ditenggelami air sedalam kira-kira 0.4 meter.

Menurutnya, air naik sejak jam 8 malam kelmarin dan mereka dipindahkan dengan bantuan pihak polis pada jam 3 pagi kelmarin.

"Disember tahun lalu rumah kami dilanda banjir paling teruk kerana hanya nampak atap sedikit sahaja dan banyak kerugian yang dialami.

"Banjir lalu usia anak saya ini baru lima bulan dan kini sekali lagi kami terpaksa berpindah. Kami hanya mampu menyelamatkan barang-barang penting sahaja," katanya.

Ibu mertuanya, Wok Awang Hitam, 54, berkata, kebanyakan barang-barang di rumah mereka masih belum siap dikemas akibat dilanda banjir Disember tahun dan kini ge-



Salah seorang mangsa banjir, Aminah Awang Hitam (kanan) memunggah beberapa barangan di rumahnya ke kawasan yang selamat.

lombang kedua pula melanda.

Seorang lagi, Mat Lia Teh, 61, berkata, dia mengalami kerugian RM3,000 semasa banjir Disember tahun lalu dan kini rumahnya dilanda banjir gelombang kedua.

Ketua Polis Daerah, Superintendan Azid Ismail berkata, sebuah pusat pemindahan di buka di Kampung Paya Teh melibatkan dua keluarga terdiri daripada enam lelaki dewasa, enam perempuan dewasa, empat kanak-kanak lelaki dan dua kanak-kanak perempuan ekoran banjir gelombang kedua melanda awal pagi kelmarin.

Menurutnya, selain itu beberapa buah jalan utama kini ditutup kepada semua jenis kenderaan ekoran air naik sehingga 0.6 meter.

"Jalan utama yang dinaiki air itu ialah di Jalan Jerantut-Lipis ditutup kepada semua jenis kenderaan tetapi jalan Jerantut-Kuala Tahan di Kampung Paya Garok dan Jerantut-Maran dekat jambatan Sungai Siam ditutup kepada kenderaan ringan.

"Jalan kampung yang turut dinaiki air ialah Kampung Belukar di Kuala Tahan, Kampung Gintong dan Tembeling Tengah," katanya.



Laluan Jerantut-Lipis turut terkandas apabila air naik setinggi 0.6 meter di jambatan Sungai Kerak.



Mat Lia mengharung air banjir bagi melihat keadaan rumahnya yang dinaiki air di Kampung Paya teh.